



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 19 MAC 2023**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BEKALAN TELUR AYAM DALAM NEGARA BERANSUR STABIL – MOHAMAD, BERITA RTM -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	OLIVE RIDLEY TURTLE RETURN TO PENANG TO LAY EGGS AFTER FOUR YEARS, HOME, BORNEO POST (KK) -5	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	FAMA TERUSKAN PENGANJURAN PROGRAM JTDL KHAS PASCA BANJIR DI JOHOR, ASTRO AWANI -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/3/2023	BERITA RTM	ONLINE	

## Bekalan telur ayam dalam negara beransur stabil- Mohamad



(Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu (depan empat, kanan) bergambar kenangan pada majlis bersama Diaspora Malaysia di Indonesia / BERNAMA)

**JAKARTA, 19 Mac-** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menjangkakan pengeluaran bekalan telur ayam dalam negara kembali pulih menjelang hujung tahun ini.

Menterinya Datuk Seri Mohamad Sabu berkata ini didorong oleh usaha kerajaan melalui kementerian yang terlibat untuk memudahkan kemasukan pekerja di sektor pertanian dan lain-lain sejak Januari.

“Insya-Allah pada tahun ini pengeluaran telur ayam mencukupi dan mampu sampai ke tahap eksport pada hujung tahun,” katanya di majlis bersama diaspora Malaysia di Indonesia, di sini semalam.

Bagaimanapun, beliau berkata risiko termasuk perubahan iklim dan penyakit akan terus diberi perhatian kerana boleh memberi kesan kepada pengeluaran.

Pada 16 Dis lepas, kementerian bersetuju memberikan kebenaran sementara kemasukan telur ayam daripada sumber luar dan kebenaran itu akan dikaji semula apabila bekalan telur dalam negara kembali stabil.

“Setelah kemasukan telur ayam import, bekalan sekarang mulai stabil dan di peringkat ini kita boleh hentikan import itu bila-bila masa sebab kita mahu utamakan pengeluar telur tempatan,” kata Mohamad.

Beliau dan pegawai tinggi kementerian berada di sini sempena lawatan kerja tiga hari sehingga Isnin untuk melihat pendekatan baharu yang diguna pakai Indonesia dalam meningkatkan hasil pertanian padi.

Mohamad berkata mereka berpeluang meninjau kejayaan pesawah yang penghasilannya mencukupi untuk seluruh rakyat Indonesia berjumlah 276 juta.

“Ini akan memberi semangat kepada petani kita untuk berjaya sekiranya mereka berkerja seperti petani di sini meskipun subsidi yang diberikan lebih rendah berbanding di Malaysia,” katanya.

Menurutnya kementerian mahu mempercepatkan tahap Tahap Sara Diri (SSL) beras negara daripada 65 peratus sekarang kepada 75 peratus menjelang 2025 dan seterusnya 80 peratus pada 2030.

"Ia akan tercapai jika hasil ditingkatkan kepada purata tujuh tan metrik per hektar daripada lima tan metrik per hektar," katanya sambil menambah ada beberapa tempat telah mencapai 10 tan metrik per hektar.- BERNAMA



(FOTO HIASAN)

Headline	Olive Ridley turtles return to Penang to lay eggs after four years		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	19 Mar 2023	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	5	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	91 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 507
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,522



# Olive Ridley turtles return to Penang to lay eggs after four years

**GEORGE TOWN:** The Penang Fisheries Department has reported that the Olive Ridley sea turtles, scientifically known as *Lepidochelys Olivacea*, have returned to lay their eggs on the beach near the Teluk Bahang near here, yesterday, after a lapse of four years.

Its director Yazeereen A Bakar said the department received

reports from the public about the presence of the newly-hatched baby sea turtles, along the beaches of Hotel Angsana in Teluk Bahang on Friday.

"A team from the Fisheries Conservation and Protection Division was immediately dispatched to the beach and discovered 110 newly-hatched baby sea turtles. All the baby

sea turtles were relocated to the Kerachut Beach Turtle Conservation Centre here for further care before they are released back to the sea," she said in a statement yesterday.

She said that the department would like to thank the public for reporting the presence of sea turtles along the beaches in the state. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/3/2023	ASTRO AWANI	ONLINE	

## FAMA teruskan penganjuran program JTDL Khas Pasca Banjir di Johor



*JTDL Khas Pasca Banjir di Johor telah dianjurkan sebanyak 20 kali sejak Februari lepas dan sambutan yang diterima amat menggalakkan. - Gambar fail BERNAMA*

**MELAKA:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) meneruskan penganjuran Program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) Khas Pasca Banjir di Johor yang kini memasuki musim kedua melibatkan 35 lokasi di sekitar negeri itu.

Pemangku Ketua Pengarah FAMA Abdul Rashid Bahri berkata program yang dianjurkan dengan kerjasama kerajaan Johor dan pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri itu adalah antara langkah proaktif FAMA dalam memastikan bekalan bahan mentah khususnya sayur-sayuran mencukupi selain dijual pada harga berpatutan.

Beliau berkata bekalan barang berkenaan diperoleh dari Pahang, Perak, Negeri Sembilan dan Selangor menerusi outlet peruncitan FAMA.

"Program ini telah bermula pada bulan lepas iaitu ketika banjir musim pertama tahun ini dan kini ia memasuki musim kedua. Kita teruskan di kawasan utama seperti di Muar, Segamat, Kota Tinggi dan akan ke Batu Pahat selepas ini nanti.

"Jualan ini diadakan di sesuatu kawasan selepas mangsa telah pulang ke rumah agar mereka boleh mendapatkan bekalan bahan mentah, sayur-sayuran, buah-buahan atau barang dapur pada harga berpatutan," katanya kepada pemberita di sini lewat malam tadi.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Penutup Program Agro MADANI FAMA Melaka 2023 yang turut dihadiri Pengarah FAMA Melaka Hairudin Yunos.

Abdul Rashid berkata JTDL Khas Pasca Banjir di Johor itu telah dianjurkan sebanyak 20 kali sejak Februari lepas dan sambutan yang diterima amat menggalakkan.

Sementara itu, Hairudin berkata hasil jualan Program Agro MADANI FAMA Melaka 2023 yang berlangsung selama tiga hari bermula Khamis mencatatkan kutipan lebih RM300,000, melepassi sasaran awal penganjurannya iaitu RM280,000.

Beliau berkata platform jualan terus itu disertai 50 usahawan tani Melaka yang menawarkan potongan harga sebanyak lima hingga 20 peratus dan kira-kira 200,000 pengunjung hadir ke program itu.

"Penganjuran program ini mendapat kerjasama daripada kerajaan negeri Melaka yang turut memberikan sumbangan selain peruntukan daripada FAMA sendiri bagi melaksanakan jualan ini pada harga berpatutan.

"Selain itu, program jualan ini juga bertujuan mempromosikan produk usahawan tempatan kepada pengunjung program khususnya penduduk tempatan dan pelancong asing memandangkan Melaka ialah negeri pelancongan," katanya.

Beliau berkata Program Agro Madani FAMA Negeri Melaka diilhamkan berdasarkan konsep kesediaan menerima perubahan, dengan mengambil kira saranan segenap lapisan masyarakat dengan hasrat pemuliharaan melalui reformasi substantif demi Malaysia yang lebih maju dan makmur.

Katanya, program itu juga menjadi satu mercu tanda bagi FAMA yang menjadi agensi pertama di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyahut lontaran cabaran Kerajaan Perpaduan untuk menyemarakkan konsep Malaysia MADANI.

-- BERNAMA